

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans 'Householder Plus'

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Householder Plus. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.**

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan kepada kandungan isi rumah dan barangan peribadi termasuk:-

- Perbelanjaan Penginapan (hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan).
- Liabiliti Diri.
- Perlindungan Kemalangan Diri untuk ahli keluarga terdekat anda.
- Perlindungan Kemalangan Diri untuk pembantu rumah.

Insurans ini hanya untuk bangunan kediaman persendirian yang dibina daripada dinding bata/konkrit dan beratap genting/konkrit/asbestos.

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh peril berikut.

- Kebakaran, kilat, letupan;
- Gempa bumi, taufan, ribut angin;
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat;
- Kepecahan atau limpahan tangki air atau paip air;
- Hentaman kenderaan;
- Kecurian penuh;
- Mendapan dan gelinciran tanah;
- Pesawat dan peranti udara lain dan/atau barangan yang jatuh daripadanya;
- Sebarang punca kemalangan luaran yang tidak dikecualikan secara khusus di dalam polisi.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

### 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah diinsuranskan. Jumlah minimum diinsuranskan adalah RM25,000.00 dan premium adalah RM168.00.

#### Had

- Barang kemas dan aksesori peribadi sehingga RM5,000.00
- Barangan antik, lukisan dan hasil seni lain sehingga RM5,000.00.
- Wang Tunai sehingga RM1,000.00.

Note: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 0% GST dari 1 Jun 2018.

### 4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	0% daripada premium dari 1 Jun 2018
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

Tertakluk kepada penguatkuasaan dan kebolegunaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), cukai GST akan dikenakan ke atas bahagian premium yang perlu di bayar dan/atau tertunggak pada waktu yang dikenakan.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat Pendedahan

- ⓪ MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai
- ⓪ Anda hendaklah memastikan agar harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan nilai pasaran. Sekiranya jumlah kerugian lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan anda hendaklah menanggung perkadaran yang setimpal dengan kerugian tersebut.
- ⓪ Sekiranya pada masa berlaku mana-mana kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh polisi ini, terdapat sebarang insurans lain yang melindungi risiko yang sama, AmGeneral tidak akan bertanggungjawab bagi jumlah yang lebih daripada perkadaran yang setimpal dengannya.
- Ⓜ Asas nilai pengembalian semula bagi perkakas peralatan elektrik berusia kurang daripada 5 tahun dari tarikh pembelian – kami akan membayar kos penggantian harta benda yang hilang atau rosak dengan harta benda daripada bentuk atau jenis yang sama tetapi tidak lebih daripada harta benda yang diinsuranskan sekiranya baru. Syarat purata akan diguna pakai sekiranya nilai diinsuranskan kurang daripada nilai pasaran.

**AmGeneral Insurance Berhad** (44191-P)

*A member of the AmBank Group*

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia. PO Box 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tel:** 1-800-88-6333 **Email:** customer@kurnia.com **Web:** www.kurnia.com

(GST Registration No. 000789741568)

- (M) Waranti premium – insurans mestilah dibayar dan diterima oleh AmGeneral/ejen yang sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka polisi ini secara automatik adalah terbatal dan AmGeneral adalah berhak kepada premium pro-rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.

**6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan;
- Kerugian atau kerosakan kepada harta benda disebabkan kecurian tidak akan dibayar sekiranya premis yang diinsuranskan ditinggalkan tidak berpenghuni bagi tempoh lebih daripada 90 hari dalam mana-mana satu tahun insurans, sama ada pada satu-satu masa atau secara agregat;
- Peperangan, keganasan, perang saudara dan pencemaran radioaktif.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk tempoh ganti rugi belum tamat, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

**Kadar Jangka Pendek**

Tempoh tidak melebihi	Peratusan (%) bayaran balik
15 hari	90
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
12 bulan	0

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmGeneral Insurance Berhad**  
Tingkat 13, Menara Shell,  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur,  
Malaysia

Talian Bebas : 1-800-886-333  
Faks : 03-2268-2222  
E-mel : [corporate@kurnia.com](mailto:corporate@kurnia.com)  
Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada.**

Insurans IsiRumah

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01 Jun 2018.